



WAWANCARA DENGAN MASURI SALIKUN RAHSIA DI SEBALIK KETAHANAN BERKARYA MASURI S.N.

Oleh : MOHAMED NAIM DAUPI

Pernah tersiar di akhbar Berita Minggu pada 10 dan 17 Oktober 1982



Pada 5 September 1944 lahir seorang seniman yang bernama Masuri Bin Salikun (Masuri S.N.) dengan sebuah sajaknya di tengah-tengah gema perang yang meruntun hati nurani manusia dan mencengkam rasa dan fikiran manusia.

Ketika itu beliau baru berumur 17 tahun. Kini, Masuri sudah melewati usia 55 tahun, tetapi beliau masih gigih berdiri dan tidak henti-henti bersuara, menempatkan dirinya dalam pengucapan seni yang tertinggi dan terluhur ini.

Walaupun suaranya kini tidaklah selantang dan sekera 'Tiada Peduli' namun Masuri masih mampu bersuara. Iklim panas bumi Temasik terus menggugah kreativitinya di tengah-tengah kita kesempatan ruang untuk terus berbicara.

Sifat ketahanan Masuri yang amat luar biasa ini dan semangat menembusi hakikat zaman yang berbeza gelombang bicaranya ini adalah lambang ketekunan dan kegigihan bagi penulis-penulis setempat.

MOHAMED NAIM DAUPI baru-baru ini telah mengadakan pertemuan dengan Masuri S.N. dan beliau berpeluang bertanyakan berbagai perkara yang berkaitan dengan perkembangan puisi mutakhir. Berikut disiarkan bahagian Pertama dari wawancara itu.

SOALAN: Ramai orang bertanggapan bahawa sajak Bunga Sakura merupakan sajak sulung cikgu?

JAWAPAN: Tidak, sebenarnya 'Ros Yang Kupuja'.

S: Bukan Bunga Sakura?

J: Ros Yang Kupuja memang sajak saya yang awal sekali, tapi sajak Bunga Sakura tadi timbul dari pembacaan saya mengenai sebuah puisi Jepun yang

memuat sakura sebagai lambang semangat keperwiraan bangsa Jepun, lambang yang simple kepada satu kebanggaan negara.

Jadi dari situlah saya mendapat ilham untuk membuat Ros Yang Kupuja, sebagai lambang pula kepahlawanan kita.

S: Mengapa cikgu memilih ros sebagai lamabang sedemikian?

J: Pada waktu itu saya tidak teringat kepada bunga-bunga yang lain. Saya nampak pada pemikiran saya bunga ros atau bunga mawar itulah yang boleh sekurang-sekurangnya menjadi lambang kepahlawanan dan pada masa itu, ketika berumur tujuh belas tahun iaitu di kala remaja, hanya bunga roslah yang saya anggap paling cantik.

S: Apakah yang sebenarnya telah mendesak cikgu menghasilkan Ros Yang Kupuja. Cinta? Gelodak nak muda? Atau sekadar ada suara yang menggelegak dalam dada?

J: Saya fikir kerana gelodak hati anak muda. Tapi itu pun akibat keadaan perkembangan politik dan sosial pada waktu itu iaitu pada zaman pendudukan Jepun.

Saya lihat Jepun mengungkitkan atau mengagungkan supaya Asia ini kembali kepada bangsa Asia dan kerana itu Ros Yang Kupuja seolah-olah melambangkan kebangkitan semangat cintakan tanahair.

Hampir semua puisi saya di waktu itu mengarah kepada cinta tanahair, cinta kepada ugama, bangsa dan nusa. Sebab semangat gelodak dan jiwa muda begitulah keadaannya dalam suasana pendudukan Jepun.

S: Sejak puisi Ros Yang Kupuja ini cikgu tidak putus-putus berkarya. Apakah rahsia di sebalik ketahanan berkarya yang begitu luar biasa ini?

J: Sebenarnya tidak ada apa-apa rahsia. Saya rasa melalui berkarya dengan menghasilkan puisi itu sajalah saya dapat memberikan satu sumbangan pada negara dan bangsa.

Saya tidak mempunyai lain-lain keupayaan dalam memberikan sumbangan pada negara dan bangsa selain dari puisi.

S: Puisi-puisi cikgu terutamanya Tiada Peduli, Ini Nasi Yang kusuap dan beberapa lagi dianggap oleh para sarjana, pengaji dan pencinta sastra sebagai titik perubahan dalam karya cikgu, maupun dalam arus perkembangan pepuisian Melayu. Apakah dalam hal ini cikgu sependapat dengan mereka?

J: Ini agak susah saya katakan sebab waktu saya menulis sajak dari masa ke masa, saya tidak dapat menyedari adanya peralihan di jiwa, sebab saya terus berkarya.

Jadi kalau ada anggapan diri para pengkritik atau pengulas bahawa mereka ada melihat peralihan jiwa dan perubahan sikap dalam puisi tersebut, maka saya fikir terserahlah pada pendapat mereka.

S: **Apakah perhitungan cikgu tentang pengkaryaan cikgu pada masa depan?**

J: Selagi hayat dikandung badan dan selagi saya termampu, saya akan terus berkarya.

S: **Maksud saya, saya lihat di peringkat awal penulisan, cikgu berkarya dari penglihatan cikgu terhadap kehidupan masyarakat, kemudian diproses ke dalam puisi dan langsung ditumpahkan kepada masyarakat.**

Tetapi kini cikgu banyak mulakan kedapatan-kedapatan dalam diri cikgu sendiri dan langsung mencipta puisi. Saya kira ini juga untuk kepentingan sejagat?

J: Pada akhir-akhir ini saya memang merasa, barangkali oleh usia yang semakin lanjut, puisi-puisi saya banyak bertolak dari pandangan dalam diri saya terhadap keadaan sekitar ataupun keadaan manusia dan segalanya yang di luar saya.

Mungkin saya ingin berfalsafah. Tapi ini merupakan satu cabaran. Inshaallah kalau diberi hayat, Allah masih mahu memanjangkan umur, saya akan cuba mengisi dan memberi makna kepada segala amatan dan perubahan sosial yang berlaku dalam zaman sains teknologi dan zaman komputer sekarang. Inilah yang saya akan cuba teruskan.

S: **Apakah pandangan cikgu tentang penyair-penyair muda sekarang? Lebih dulu kita ungkapkan penulis-penulis lewat 60-an seperti Mohamed Latiff Mohamed, Jamal Tukiman, Noor Hidayat dan lain-lain lagi?**


J: Saya selamanya menekankan bahawa pada tiap-tiap dekad memang akan lahir sekelompok golongan penulis yang terdiri daripada angkatan baru yang menganggap mereka ingin mengucapakan suatu pandangan yang berlainan dengan angkatan sebelumnya.

Ini adalah wajar. Tetapi soalnya daripada sebarisan penulis-penulis ataupun penyair-penyair itu, biasanya tidak semua akan dapat meneruskan kegiatan penulisannya.

Hanya penulis-penulis yang tahan, yang betul-betul berdedikasi dan punya keupayaan saja yang akan terus menulis.

BAHAGIAN KEDUA

APAKAH PANDANGAN MASURI KE ATAS PENYAIR2 SEKARANG



SOALAN: Apa pandangan cikgu tentang Mohamed Latiff Mohamed?

JAWAPAN: Latiff, pada pandangan saya mempunyai potensi sebagai seorang penyair.

Beliau mempunyai iklim kepeyairan yang luas. Dari segi tema, puisi-puisi peringkat awal Latiff bernada keras iaitu beliau melihat keadaan kesekitarannya dan realiti hidup itu bertentangan dengan yang diinginkannya.

Sebagai reaksi jiwanya, beliau membuat puisi-puisi yang bersifat protes terhadap realiti yang tidak disenanginya itu.

S: Bagaimana pula dengan Djamal Tukimin?

J: dulu saya memang mempunyai harapan yang besar terhadap karya Djamal. Ketika beliau menulis dulu, saya menganggapnya dapat melahirkan puisi yang bererti.

Pertama, yang sudah jelas ialah Djamal mempunyai daya pemuisian yang kuat, pemilihan kata-kata yang asli tetapi kemudiannya saya dapati beliau agak tidak tetap terhadap tema yang mula-mula dipilihnya itu. Beliau agak berpindah-pindah dan mungkin beliau membuat eksperimen. Bagaimanapun ini saya kurang tahu. Soalnya sekarang ialah saya jarang melihat puisi-puisinya lagi.

S: Bagaimana dengan Noor Hidayat?

J: Saya lihat Noor Hidayat banyak menulis puisi yang agak panjang. Beliau memang ada bakat semula jadi sebagai seorang penyair, tetapi beliau lebih giat dalam penulisan prosa atau cerpen.

Jadi kadang-kadang kelihatan ada pengaruh daripada prosa yang termasuk ke dalam puisi-puisinya.

Ini menyebabkan kepekatan, kepaduan dan kebulatan pemilihan kata-katanya agak berbentuk prosa.

S: Kemudian, bagaimana pula dengan penyair-penyair angkatan 70-an seperti Asmin, Rasiah Halil, Mibarzo, Suraidi Sipan dan lain-lain?

J: Saya nampak dari segi pemikiran mereka, angkatan 70-an ini, terutama Asmin dan Rasiah Halil lebih dicernakan, lebih kuat dan suaranya sekuat sekarang dalam proses mencari bentuk yang setepat-tepatnya dan lebih kuat lagi untuk dapat mengisikan idea-ideanya dalam penulisan puisinya.

S: Apa pandangan cikgu pula tentang Mibarzo?

J: Saya fikir Mibarzo seorang penyair yang lebih menekankan intelektual daripada soal emosional.

Saya dapati pada peringkat sekarang, beliau menghindarkan soal emosi kerana hendak lebih mengutarakan idea-idea yang sudah sedia terkumpul dalam pemikirannya.

Jika beliau dapat menseimbangkan di antara perkara emosi dengan intelektualnya, saya rasa beliau akan dapat menghasilkan karyanya yang lebih kuat dan bermakna.

S: Suraidi Sipan?

J: Saya rasa Suraidi Sipan pun bolehlah dikatakan sebagai seorang penyair juga.

Puisinya mudah difaham tetapi saya fikir beliau agak kurang berhati-hati dengan pemilihan kata-katanya. Kalau beliau dapat memilih kata-kata yang lebih betul dan tepat, saya rasa puisinya akan lebih bererti.

S: **Bagaimana pula dengan penulis-penulis yang muncul dalam tahun-tahun 80-an ini?**

J: Agak sukar untuk mengukur mereka dengan membaca tiga atau empat kuntum puisi karya mereka.

Beberapa nama seperti A.Wahab Haji Hamzah, Seruling Mas, Md. Ali Bajuri, Nasrie Noor, Hamidah Hatip dan banyak lagi, memang kesemuanya mempunyai bakat.

Saya rasa mereka akan bertambah maju dari karya-karya mereka yang saya sudah baca. Jika mereka mahu memperdalamkan lagi pengamatannya dan sensitivitinya terhadap kehidupan dan perkembangan puisi itu sendiri, ini saya rasa dapat membantu mereka.

Apa yang penting ialah mereka hendaklah terus menulis dan saya yakin mereka mempunyai harapan yang baik dan cerah.

S: **Dapatkah sastera kita khususnya puisi menembusi atau sekurang-kurangnya bersaing dalam zaman revolusi industri ini mahupun dalam zaman komputer ini?**

J: Saya fikir ini bergantung kepada diri penyair angkatan muda kita secara individu terutama yang berupaya mengungkapkan untuk memberi nilai untuk perkembangan yang terbaru; sains dan teknologi, begitu juga dengan zaman komputer sekarang.

Ini adalah kerana merekalah yang benar-benar menghayatinya dan ini adalah zaman mereka. Saya fikir angkatan 50-an dan 60-an sudah mempunyai nilai yang tersendiri terhadap zaman yang dihayati.

Jadi kepada mereka yang tergolong dalam angkatan 80-an inilah yang kita harapkan akan cuba mencari erti dan memberi nilai tentang sejauh mana perkembangan sains dan teknologi ini terserap, dapat tembus atau penglibatannya dengan perkembangan puisi-puisi Singapura.

S: Bagaimana pula dengan zaman di man kesusasteraan sudah tidak lagi menjadi pelajaran formal dalam kurikulum pendidikan kita? Apakah sastera dapat wujud bersama-sama audiennya?

J: Saya fikri sastera dapat wujud. Kalau kita kembali ke zaman lampau, pada waktu sastera lisan dulu, siapakah yang mengajarkan pengarang-pengarang kita dulu? Mereka tidak ada pelajaran formal tetapi mereka ada kebijaksanaan dan daya untuk mengungkapkan kembali segala peristiwa yang berkesan dan diabadikan dalam bentuk puisi.

Jadi hal ini, saya kira boleh kita anggap bahawa walaupun ketiadaan pendidikan formal bagi mata pelajaran sastera adalah satu kekurangan, namun ia tidak semestinya menjadi pokok atau penyebab sastera kita akan rendah ataupun tidak bermutu.

Semua ini bergantung kepada keupayaan sasterawan dan penyair-penyair kita. Saya yakin ini pun merupakan satu cabaran yang dapat diatasi. Pada satu-satu masa setiap cabaran itu tentu ada kepayahan. Dan kepayahan-kepayahan itulah yang haurs diatasi oleh para penyair kita.

S: Berkaitan dengan ini, bagaimana pula dengan pembentukan audien?

J: Dalam pembentukkan audien, ini terserah kepada badan-badan budaya khususnya badan-badan bahasa dan persuratan yang bukan mengembleng tetapi mereka boleh memberi semacam usaha agar dapat ditimbulkan audien ini.

Guru-guru sekolah yang mengajar bahasa kedua, terutama guru-guru pensihat persatuan bahasa di sekolah menengah boleh juga menimbulkan semacam ghairah atau merangsang pelajar-pelajarnya walaupun mereka hanya mempelajari mata pelajaran bahasa melayu sebagai bahasa kedua. Dari sini mungkin kita akan dapat menimbulkan audien.

TAMAT